

كوفراسي گورو ملايو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN TUMPAT

TARIKH : 20 APRIL 2019
TEMPAT : SEK MEN KEB BERANGAN
MASA : 10.00 PAGI

**ATURCARA
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 09.00 Pagi : Pendaftaran
- 10.00 Pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al – qur’an dan bacaan doa.
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 10.30 Pagi : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
 2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
 3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-12.
 4. Menimbang Laporan Lembaga 2018.
 5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 23 tahun 2018.
 6. Menimbang draft akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2018.
 7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24 Tahun 2019.
 8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
 9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KAWASAN TUMPAT**

Tarikh : 20 April 2019
Tempat : Sek. Men. Keb. Berangan, Tumpat.
Masa : 10.00 Pagi

2. Kehadiran :

- 2.1 Pengerusi Lembaga : Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob
Timb. Pengerusi : Tn. Hj. Che Husin b Che Soh
Timb. Bendahari : En. Asmadi b Omar
ALK : Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain
: Tn. Hj. Ismail b Salleh
: En. Mohd Fadzil b Che Saleh
- JAD : Hjh. Zubaida bt Ibrahim
: En. Megat Shariman b Mohd Hashim
- 2.2 Anggota : 665 orang

3. UCAPAN PENERUS LEMBAGA

Oleh : Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob
Pengerusi Lembaga
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Yang dimuliakan saudara Pengacara Majlis,
Yang dihormati ALK, JAD dan warga pengurusan,
Tuan Pengetua SMK Berangan selaku tuan rumah,
Serta semua anggota kawasan Tumpat.

Syukur ke Hadrat Ilahi kerana diberikan kesempatan untuk menyampaikan ucapan sepatah dua kata sempena MAK bagi kawasan Tumpat pada pagi ini. Hari ini merupakan hari terakhir MAK bagi tahun 2019. Selain di Tumpat, satu lagi MAK sedang berlangsung serentak pada pagi ini iaitu di kawasan Tanah Merah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang dapat meluangkan masa untuk hadir pada hari ini sempena MAK Tumpat yang diadakan setiap dua tahun sekali. Semoga MAK pada hari ini dapat memberi manfaat kepada kita semua yang mana banyak maklumat yang perlu dan wajib diketahui oleh setiap anggota. Anggota juga digalakkan untuk memberi cadangan dan pandangan yang bernas untuk kemajuan koperasi pada masa akan datang.

Tuan/puan sekalian,

Jumlah anggota di seluruh kawasan Tumpat ialah seramai 900 orang. Oleh itu pada hari ini seramai 24 orang perwakilan akan dipilih untuk mewakili semua anggota di kawasan ini. Saya berharap bilangan anggota di kawasan Tumpat dapat mencapai sehingga 1000 hingga 1500 anggota. Oleh itu, semua anggota kawasan ini mengambil peluang untuk mencari anggota baru kerana koperasi menawarkan insentif sebanyak RM50 kepada anggota yang dapat mencari anggota baru.

Koperasi adalah milik kita bersama dan kita perlu tahu perjalanan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi. Untuk makluman, semua anggota telah dibekalkan dengan Buku Laporan Tahunan Koperasi dan anggota boleh melihat semua laporan kewangan yang telah diberikan. Sehingga hari ini, jumlah keseluruhan aset koperasi ialah sebanyak RM89 juta. Manakala jumlah Modal Yuran Anggota pula ialah RM55.8 juta.

Kredit

Untuk pengetahuan semua anggota, jumlah peminjam sepanjang tahun 2018 ialah seramai 915 orang sahaja. Jumlah ini sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pada tahun ini koperasi telah bersetuju untuk mengadakan promosi pinjaman dengan peratusan faedah sebanyak 3.0% sahaja. Saya berharap dengan promosi yang diadakan ini dapat menarik semua anggota untuk membuat pinjaman dengan koperasi.

Hartanah

Unit Pelaburan dan Hartanah menyediakan aktiviti menjual tanah dan juga rumah. Setiap anggota yang membeli tanah dan rumah milik koperasi akan diberikan harga istimewa dengan potongan harga yang menarik.

Ar-Rahn

Untuk makluman tuan/puan semua, perniagaan Ar-Rahn telah mempunyai tiga cawangan iaitu di Kota Bharu (Jalan Kebun Sultan), di Melor (Bangunan Arked MARA, Melor) dan di Tumpat (Bangunan Arked MARA Chabang Empat) yang mana ketiga-tiga perniagaan tersebut turut menyumbangkan keuntungan yang tinggi kepada koperasi. Koperasi dalam cadangan membuka cawangan keempat Ar-Rahn di Machang.

Kedai Tayar

Kedai Tayar milik koperasi ini sebenarnya sudah sekian lama beroperasi, namun hanya orang luar atau bukan anggota yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan baiki dan servis kereta di kedai tayar tersebut. Untuk pengetahuan semua anggota yang hadir, kedai tayar ini diwujudkan untuk menjaga kebajikan semua anggota yang mana anggota boleh membuat penukaran tayar kereta dan membaiki kereta dengan bayaran secara ansuran iaitu melalui potongan gaji.

Hotel

Koperasi kini telah menambah satu lagi bidang perniagaan iaitu dalam bidang perhotelan dan membuka hotel sendiri dengan nama Diamond Hotel. Kedudukan hotel ini sangat strategik kerana lokasinya di tengah-tengah Bandar Kota Bharu serta berdekatan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti bank, hospital, terminal bas, kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya.

Semua anggota juga disarankan untuk menginap dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan seminar di hotel milik Koperasi ini. Anggota akan diberikan diskaun istimewa sekiranya menginap dan menyewa dewan di Diamond Hotel.

Bakti Guru Sendirian Berhad (BGSB)

BGSB merupakan anak syarikat Koop Guru yang menyediakan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Semua anggota boleh mendapatkan barangan tersebut di kedai-kedai panel yang telah dilantik. Selain itu, BGSB juga menyediakan pakej umrah. Saya berharap semua anggota dapat menyokong semua aktiviti yang disediakan oleh BGSB.

Pada tahun 2019, BGSB telah bekerjasama dengan travel umrah. Anggota bersara juga boleh membuat pinjaman untuk mengerjakan umrah. Selain itu, BGSB juga akan mengadakan pakej menjual kurma di sekolah-sekolah. Saya berharap semua anggota dapat bekerjasama dan memberikan sokongan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh BGSB.

Tabung Kebajikan Anggota (TKA)

Berkaitan dengan Tabung Kebajikan Anggota (TKA) pula, antara tuntutan yang boleh dibuat ialah rawatan hospital, penyakit kritikal, kematian dan bencana alam. Sekiranya berlaku kematian dari kalangan anggota, waris si mati akan mendapat wang tunai pendahuluan sebanyak RM2,000.00 serta merta bagi mengurangkan beban waris arwah dalam proses pengurusan jenazah. Baki yang selebihnya akan dibayar kemudian setelah waris mengisi borang TKA.

Manakala bagi penyakit kronik pula, pihak Koperasi akan dibayar mengikut tahap sakit yang ditanggung. Wakil Jawatankuasa TKA akan membuat sesi lawatan ke rumah anggota yang menghidap penyakit kronik terlebih dahulu.

Keanggotaan

Setiap hari, ada anggota yang bersara dan berhenti menjadi anggota koperasi. Oleh itu saya meminta agar anggota bersara meneruskan menjadi anggota. Pihak koperasi telah menubuhkan Skuad Pemasaran untuk mencari anggota baru di setiap sekolah. Untuk dua bulan pertama, Skuad Pemasaran telah berjaya mencari anggota baru. Semoga anggota di sekolah dapat memberikan kerjasama apabila Skuad hadir ke sekolah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin menyampaikan satu berita baik iaitu setiap anggota yang berjaya membawa masuk anggota baru akan menerima insentif sebanyak RM50.00 bagi setiap anggota baru yang baru mendaftar.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir pada hari ini berharap semua anggota dapat memahami segala maklumat yang telah saya sampaikan pada hari ini.

AGENDA

AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Pengerusi Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En. Fauzi b Husin (006704) mencadangkan En. Che Mohd Shamsudin b Yusoff (010621) sebagai Pengerusi Mesyuarat dan disokong oleh En. Ahmad b Lome (007638).
- 1.3 En. Hashim b Ismail (011947) mencadangkan supaya cadangan ditutup dan disokong oleh En. Nazri b Adnan (018973).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat

- 2.1 Pengerusi Majlis juga menjelaskan bahawa Setiausaha Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 En. Ahmad b Lome (007638) mencadangkan Tn. Hj. Che Nazir b Che Sof (007367) sebagai Setiausaha Mesyuarat dan disokong oleh En. Shamsudin b Mohammed (013089).
- 2.3 En. Zamri b Muhamad (011907) mencadangkan supaya cadangan ditutup dan disokong oleh En. A Razak b Che Hasan (018690)

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -12/2017

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga, Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017.
- 3.2 Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017 dari muka surat 1 hingga muka surat 11 untuk diterima dan disahkan.
- 3.3 En. Fauzi b Husin (006704) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Kamaruddin b Che Bebakar (007621).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga, Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob untuk membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018.

- 4.2 Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 bermula dari muka surat 7 hingga muka surat 48.
- 4.3 En. Zamri b Muhamad (011907) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Ahmad b Lome (007638)

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

AGENDA 5 iaitu **Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019** telah dipinda ke AGENDA 9 dan AGENDA 6 menjadi AGENDA 5 iaitu **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

AGENDA 5 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari, En. Asmadi b Omar untuk membentangkan draf akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 En. Asmadi b Omar membentangkan draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 1 hingga muka surat 15.
- 5.3 En. Muhamat Zin b Jusoh (015121) mencadangkan supaya draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Shamsudin b Mohammed (013089).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 6 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari, En. Asmadi b Omar untuk membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019.
- 6.2 En. Asmadi b Omar membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019 dari muka surat 16 hingga muka surat 23.
- 6.3 En. Muhamat Zin b Jusoh (015121) mencadangkan supaya Belanjawan Tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Shamsudin b Mohammed (013089).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 7 : Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga, Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob untuk membentangkan cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
- 7.2 Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob menjelaskan tiada pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 8 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga, Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob untuk membentangkan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.
- 8.2 Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob menjelaskan bahawa tiada usul yang diterima daripada Lembaga dan Anggota Koperasi tujuh (7) sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-24/2019.

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha JK Pemilihan, Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain untuk mengumumkan berkaitan Anggota Perwakilan bagi kawasan Tumpat.
- 9.2 Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain, Setiausaha JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di kawasan Tumpat pada hari ini seramai 30 orang. Calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan tidak hadir ke hadapan untuk memperkenalkan diri, pencalonannya akan terbatal secara automatik.
- 9.3 Beliau juga memberitahu calon nombor 5 iaitu En. Zul Azura b Ariffin (012998), nombor 21 iaitu En. Mohd Nizam b Mohamad @ Hamid (019004) dan nombor 23 iaitu Pn. Dahlia bt Md Yusoff (012673) tidak dapat hadir pada hari ini tetapi pencalonannya telah diterima kerana menghadiri kursus dan telah mengemukakan surat ketidakhadirannya pada hari ini kepada JK Pemilihan. Calon-calonnya adalah seperti berikut :

NO CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
----------	-------------	------	--------

01	011947	HASHIM B ISMAIL	PPD TUMPAT
02	007367	CHE NAZIR B CHE SOF	SMK WAKAF BHARU
03	018086	MUHAMMAD AZIAN B JAAFAR	PPD TUMPAT
04	010621	CHE MOHD SHAMSHUDIN B YUSOFF	SK CHABANG EMPAT
05	012998	ZUL AZURA B ARIFFIN	PPD TUMPAT
06	018601	HAMDAN B AWANG NGAH	SMK BERANGAN
07	006003	GHAZALI B DAUD	LOT 1747 KG KUTAN TENGAH, WAKAF BHARU
08	007638	AHMAD B LOME	SK TUMPAT
09	014655	MOHD SHARAZI B ZAKARIA	PPD TUMPAT
10	014612	HALIMATON SAADIAH BT AWANG HAMAT	SMK AGAMA FALAHIAH
11	015121	MUHAMAT ZIN B JUSOH	SK CHABANG EMPAT
12	013089	SHAMSUDIN B MOHAMMED	SK PADANG MANDOL
13	004528	PAHRI B NIK MAT	L/NO 374 KG TOK OH, TUMPAT
14	016506	MOHD AKMAL HALIMIN B MOHAMED	SK SUNGAI PINANG
15	020031	RAMLI B IBRAHIM	SK PENGKALAN KUBOR 1
16	011047	WAN AHMAD KHAIRUDDIN B WAN ABDULLAH	2394 KG MORAK, PALEKBANG
17	006803	MOHAMAD ZAWAWI B CHE YUSOFF	SK BERANGAN 2
18	010965	WAN LATIFAH BT WAN TAIB	SK KOK PASIR
19	019990	MOHD RASUL B CHE SOH	SK PADANG MANDOL
20	006704	FAUZI B HUSIN	SK KUBANG BATANG
21	019004	MOHD NIZAM B MOHAMAD @ HAMID	PPD TUMPAT
22	018973	NAZRI B ADNAN	SK SRI TUMPAT 2
23	012673	DAHLIA BT MD YUSOFF	SK TUMPAT
24	004588	MOHD ARIFFIN B MAMAT	1136 TANJONG KUALA, TUMPAT
25	009550	MOHD NASRI B MAT DAUD	SMK WAKAF BHARU
26	010964	DUSUKI B HUSSIN	SK SUNGAI PINANG
27	008898	NIK FATIMAH BT NIK MUSTAPHA	SK MORAK
28	014796	NORAZLINA BT MOHAMAD	PPD TUMPAT
29	012654	AB RAHIM B OMAR	SMK WAKAF BHARU
30	018111	SURTINI BT RAMLI	PPD TUMPAT

Pengundian secara sulit dan dikendalikan oleh pihak ANGKASA.

- 9.4 Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain mengumumkan calon-calon perwakilan yang menang bagi kawasan ini setelah proses pengundian selesai oleh pihak ANGKASA.

Nama-nama calon yang menang adalah seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	011947	HASHIM B ISMAIL	PPD TUMPAT
2	007367	CHE NAZIR B CHE SOF	SMK WAKAF BHARU
3	006803	MOHAMAD ZAWAWI B CHE YUSOFF	SK BERANGAN 2
4	013089	SHAMSUDIN B MOHAMMED	SK PADANG MANDOL
5	018601	HAMDAN B AWANG NGAH	SMK BERANGAN
6	019990	MOHD RASUL B CHE SOH	SK PADANG MANDOL
7	010621	CHE MOHD SHAMSHUDIN B YUSOFF	SK CHABANG EMPAT
8	020031	RAMLI B IBRAHIM	SK PENGKALAN KUBOR 1
9	014612	HALIMATON SAADIAH BT AWANG HAMAT	SMK AGAMA FALAHIAH
10	012998	ZUL AZURA B ARIFFIN	PPD TUMPAT
11	007638	AHMAD B LOME	SK TUMPAT
12	004588	MOHD ARIFFIN B MAMAT	1136 TANJONG KUALA, TUMPAT
13	015121	MUHAMAT ZIN B JUSOH	SK CHABANG EMPAT
14	006704	FAUZI B HUSIN	SK KUBANG BATANG
15	018973	NAZRI B ADNAN	SK SRI TUMPAT 2
16	011047	WAN AHMAD KHAIRODDIN B WAN ABDULLAH	2394 KG MORAK, PALEKBANG
17	019004	MOHD NIZAM B MOHAMAD @ HAMID	PPD TUMPAT
18	014655	MOHD SHARAZI B ZAKARIA	PPD TUMPAT
19	004528	PAHRI B NIK MAT	L/NO 374 KG TOK OH, TUMPAT
20	012673	DAHLIA BT MD YUSOFF	SK TUMPAT
21	012654	AB RAHIM B OMAR	SMK WAKAF BHARU
22	018111	SURTINI BT RAMLI	PPD TUMPAT
23	014796	NORAZLINA BT MOHAMAD	PPD TUMPAT
24	008898	NIK FATIMAH BT NIK MUSTAPHA	SK MORAK

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

PENCATAT MINIT :

1. CIK SYURAI DAH BT MAT LARAK @ MAT ZAID
2. PN. NOR ADILA BT RAZALI

TANDATANGAN Pengerusi Mesyuarat:



.....
EN. CHE MOHD SHAMSHUDIN B YUSOFF (010621)

TANDATANGAN Setiausaha Mesyuarat:



.....
TN. HJ. CHE NAZIR B CHE SOF (007367)